

'Kerjasama MCA, PAS, UMNO tak ikhlas'

BH
-15/11/2019
mk: 2

Dr M minta pengundi Tanjung Piai nilai perjuangan PH demi negara


Oleh Junita Mat Rasid dan Ifwan Tun Tuah
bhnews@bh.com.my

Pontian: Kerjasama MCA dan PAS sambil UMNO berperanan sebagai orang tengah, adalah tidak ikhlas, hipokrit dan hanya untuk memenangi Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjung Piai, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) menegaskan, pemimpin MCA dan PAS sentiasa bertindak lain daripada apa yang dicakapkan, terutama dalam isu kerjasama kedua-dua parti itu.

"Tidak ikhlas, hipokrit. Depan (orang Melayu) konon (mereka) pejuang Melayu, bila mai (datang) sini (Tanjung Piai), (sokong) bukan Melayu. Kepentingan untuk menang pilihan raya sahaja," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri sesi sarapan bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Tanjung Piai di sini, semalam.



Yang turut serta, Timbalan Presiden PH merangkap Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Besar Johor merangkap Pengarah Jentera PH PRK Parlimen Tanjung Piai, Datuk Dr Sahrudin Jamal.

Perdana Menteri diminta mengulas kerjasama MCA-PAS yang dilihat agak pelik kerana sebelum ini kedua-dua parti terbahit tiada persefahaman dan tidak bersetuju dalam banyak perkara, terutama berkaitan Is-



Dr Mahathir bersama isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Karmaine bersarapan bersama penduduk setempat dan NGO Parlimen Tanjung Piai di Pontian, semalam. (Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

lam dan Melayu.

Bagi PRK Tanjung Piai, PAS secara terbuka menyatakan sokongan kepada MCA untuk bertanding, malah turut membantu kempen parti berkenaan.

Justeru, Dr Mahathir meminta rakyat dan pengundi di Tanjung Piai lebih bijak dengan menilai perjuangan PH demi keperluan negara walaupun ada isu berkaitan kaum.

"Walaupun ada isu orang Cina, ada isu orang Melayu, ada isu orang India, apabila kita tumpu kepada keperluan negara, kita ketepikan perkara itu. Kita cari jalan untuk selesaikan pertikaian kerana kita tahu di Malaysia, kita tak boleh layan sama rata semua orang.

"Apabila kita dapati semua bersatu hati dan menerima kerajaan campuran, negara kita akan maju," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri percaya cubaan pembangkang untuk mengelirukan pengundi Tanjung Piai, termasuk menggambarkan beliau sebagai Perdana Menteri kerajaan lama Barisan Nasional (BN), tidak akan berjaya.

Katanya, masyarakat tempatan sudah bijak untuk mengenal pasti sama ada sesuatu maklumat itu betul atau sebaliknya, terutama menjelang pilihan raya.

"Saya harap orang di sini ja-

ngan dengar hasutan BN yang tipu macam-macam. Hari tu, mereka (sebar) gambar saya memakai baju biru BN, kononnya saya berkempen untuk BN. Saya tak rasa orang sini (Tanjung Piai) akan terpedaya.

"Mereka bukan bodoh kerana pernah melalui 14 pilihan raya selain PRK. Mereka arif kenal pasti penipuan," katanya menambah, pembangkang juga menyebarkan risalah mengaitkan calon PH, Kar-

Saya harap orang di sini jangan dengar hasutan BN yang tipu macam-macam. Hari tu, mereka (sebar) gambar saya memakai baju biru BN, kononnya saya berkempen untuk BN. Saya tak rasa orang sini (Tanjung Piai) akan terpedaya.

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

maine Sardini dengan kempen 'Buy Muslim First' (BMF) untuk menaikkan kemarahan masyarakat Cina.

"Saya tak rasa orang Cina akan undi BN semata-mata kerana lihat gambar calon PH (sokong) BMF. Di Malaysia, tak mungkin kita boleh beli barang dari satu bangsa sahaja.

"Keperluan kita luas, kita perlu bekalan dari semua, termasuk Melayu, Cina dan India. Percubaan untuk boikot (satu bangsa) tak boleh jalan (tidak akan berjaya) di Malaysia," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir juga menafikan PH menggunakan sentimen kaum ketika berkempen pada PRK Tanjung Piai, sebaliknya menegaskan BN yang berbuat demikian.

"Mereka mulakan sentimen perkauman. Mereka cuba bercajak mengenai orang Melayu Islam, tapi walaupun Melayu ini (calon PH) Islam, mereka suruh undi calon dia (BN) yang bukan Islam.

"Jadi dia cakap saja kononnya nak sokong orang Melayu. Di Malaysia ini, seorang wakil rakyat adalah wakil semua kaum. Saya bukan Perdana Menteri orang Melayu saja, saya Perdana Menteri untuk semua kaum di Malaysia," katanya.